

UCAPTAMA:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

PERASMIAN KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL 2024

"MENELUSURI SEJARAH: MEMBINA PERPADUAN NEGARA BANGSA"

TARIKH:

19 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) | 9.30 PAGI

LOKASI:

BALLROOM, DOUBLE TREE BY HILTON,
I-CITY, SHAH ALAM, SELANGOR

Terima kasih saudara/ri pengacara majlis.

Bismillahi Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI

MUKADIMAH

1. Sejarawan Islam, Ibn Khaldun telah membicarakan bahawa sejarah itu perkara tentang masyarakat, manusia, peradaban dunia dan perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat sesebuah masyarakat. Pemacu kewujudan masyarakat yang maju dan bertamadun dinilai berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan masing-masing. Sudah tentu, ini memerlukan penghayatan dan pemahaman terhadap apa yang berlaku, termasuklah sejarah bagi negara ini.

2. Mengambil iktibar sejarah kejatuhan Kesultananan Melayu Melaka pada tahun 1511, ia telah menjadi pengajaran jelas bahawa penyelewengan dan pengkhianatan boleh melemahkan sesebuah Kerajaan serta meruntuhkan ketamadunan bangsa. Makanya, penganjuran konvensyen seperti ini sangat penting, untuk kita sama-sama wacanakan,

mengambil pengajaran serta pedoman perencanaan masa hadapan negara ini.

3. Proses pembinaan negara bangsa Malaysia tidak hanya terletak di bahu pegawai Kerajaan, ahli politik, ahli ekonomi, ahli teknokrat serta ahli sains teknologi semata-mata, tetapi juga harus melibatkan para sarjana dan pemikir, malah rakyat Malaysia keseluruhannya.

4. Sebagai anak Malaysia, kita perlu menghayati dan menghargai pengorbanan tokoh perjuangan terdahulu. Ada yang terkorban, dipenjara dan disiksa, semuanya demi mempertahankan maruah bangsa dan tanah air. Perjuangan menuntut kemerdekaan itu adalah sebuah perjuangan yang luhur. Perjuangan tersebut menuntut sebuah pengorbanan yang besar, bukan hanya dengan bermandikan keringat, airmata dan darah, malah nyawa turut menjadi taruhan bagi mencapai matlamat perjuangan tersebut.

5. Jadi, ini wajar dihadam oleh anak-anak muda hari ini, mereka perlu menyelami catatan sejarah yang ditinggalkan oleh tokoh-tokoh perjuang terdahulu seperti kajian sejarawan, petikan ucapan, mahu pun artifak masa silam. Dengan cara

ini, kita dapat meneruskan legasi perjuangan, seterusnya memastikan negara ini terus bebas merdeka.

Saudara dan Saudari,

KEPENTINGAN MEMAHAMI SEJARAH

6. Dalam mendepani dunia tanpa sempadan pada hari ini, ada di antara kita yang alpa daripada menghayati sejarah silam. Kita mudah terjerumus dalam kancah perbalahan dan persengketaan kaum yang tidak menguntungkan negara. Kita hilang roh perjuangan untuk menyatupadukan kita sebagai satu bangsa Malaysia.

7. Implikasinya amat berat… runtuhlah sebuah negara merdeka yang dibina bersama. Oleh itu, segala aspek kehidupan sama ada dari aspek pembangunan infrastruktur, ekonomi, politik, juga social – ia mestilah dipupuk ke arah aspirasi masyarakat Malaysia MADANI.

8. Gagasan ini membawa makna yang besar dalam memberikan kesedaran atau *reform* yang membolehkan rakyat berfikiran terbuka serta menerima konsep sejarah berteraskan kenegaraan yang telah dibina pemimpin terdahulu – tetapi tidak sekalipun merobek identiti bangsa

yang beteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Saudara dan Saudari,

MEMPERKASAKAN SUMBER SEJARAH NEGARA

9. Kita tidak boleh menafikan bahawa sumber sejarah memainkan peranan penting dalam memahami sesuatu peristiwa yang berlaku. Tanpa sumber yang jelas, kita tidak dapat memahami peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di masa lalu, untuk kita jadikan pengajaran dan pedoman dalam membentuk masyarakat MADANI.

10. Melalui penyelidikan, penerokaan dan empati terhadap peristiwa sejarah juga - unsur perpaduan dan semangat kebangsaan akan menjelma dalam diri setiap rakyat sesebuah negara. Makanya, kita perlu mengaplikasikan ilmu sejarah dalam kehidupan kita, setidak-tidaknya tindakan diambil lebih berhati-hati supaya tidak mengulangi kesilapan yang sama.

11. Kepentingan utama memperolehi, memelihara dokumen sebagai bahan bukti - akan membawa kepada pemuliharaan bangunan bersejarah, menjadi sumber yang menyuburkan

penyelidikan, menjadi benteng pengekalan kedaulatan wilayah, memangkin keselamatan kerajaan dan akhirnya menjadi maklumat sejarah kepada generasi akan datang.

12. Walau bagaimanapun kita sedar, masih banyak bahan-bahan berkaitan sejarah tanahair, masih berada di luar negara. Bahan ini terdiri daripada dokumen-dokumen, perjanjian-perjanjian, surat-surat rasmi, dan manuskrip penting yang boleh melengkapkan sumber sejarah negara.

13. Rekod ini penting buat penyelidik, untuk tujuan kajian, penyelidikan dan rujukan berkaitan pembinaan negara bangsa, pembangunan ekonomi, kemasyarakatan, kewilayahan, keselamatan, persempadanan dan kedaulatan negara.

14. Maka, kita harus berusaha memperkasakan pengumpulan sumber sejarah ini. Memperkasa kaedah penyimpanan yang baik, pemeliharaan yang teratur, kerana bahan sejarah ini merupakan khazanah warisan intelektual yang tidak ternilai harganya.

15. Bahan sejarah yang mempunyai nilai penyelidikan ini mestilah dikongsi bersama - bukan sahaja untuk masyarakat,

para pengkaji, malah juga kepada golongan pembuat dasar dan ahli politik tanahair.

16. Fakta sejarah tidak boleh dipadam hanya disebabkan berlainan pengangan politik dan fakta itu perlu kekal untuk diketahui generasi akan datang. Fakta sejarah jika tidak dilindungi sebaiknya lebih mudah dimanipulasi sewenangnya untuk kepentingan peribadi sesetengah pihak sahaja.

17. Tambahan pula, media sosial memberi platform yang luas kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat mereka dengan mudah. Polarisasi perkauman dan politik berlebihan - ia tidak dibendung dengan segera, boleh mengancam hubungan harmoni pelbagai kaum di negara ini. Oleh sebab itu, sejarah harus diadaptasikan dan dimurnikan dalam arus peredaran semasa.

18. Justeru, **Kerajaan memandang serius dan memikirkan keperluan buat para sejarawan untuk duduk secara bersama di bawah satu bumbung melalui Jawatankuasa Sejarah Negara, ataupun Majlis Sejarawan Negara bertujuan menanggani isu-isu penyelewengan fakta sejarah negara yang boleh menganggu gugat kestabilan, keamanan dan keharmoniaan perpaduan rakyat.**

19. **Kerajaan juga menyarankan Arkib Negara juga, mesti lah terkehadapan dalam memberi kefahaman tentang sejarah negara kepada rakyat, pegawai-pegawai kerajaan khususnya pegawai-pegawai tinggi yang terlibat terlibat dalam pembuatan kertas-kertas dasar atau polisi negara.**

MEMUPUK GENERASI MUDA YANG CELIK SEJARAH

20. Selain itu, usaha untuk memastikan golongan muda terdidik dengan sejarah negara bangsa tidak boleh dikesampingkan. Negara memerlukan golongan muda yang cakna dengan sejarah negara bangsa bagi menjaga dan memelihara keamanan serta membentuk masa depan yang lebih harmoni dan sejahtera. Dengan memiliki kesedaran terhadap sejarah, secara tidak langsung mereka juga akan menghargai pengorbanan nenek moyang terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan.

21. Jika rakyat khususnya generasi muda tidak kenal tanahairnya sendiri, mana mungkin wujud perasaan hormat, cinta dan taat setia kepada negara. Keadaan akan bertambah parah apabila wujudnya krisis identiti dalam kalangan generasi muda sehingga mereka tidak lagi memahami siapa diri mereka,

peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya dimainkan sebagai rakyat sesebuah negara.

22. Saya amat yakin, sekiranya generasi muda yang bakal mewarisi tampuk pemerintahan negara, dipupuk dengan pengetahuan sejarah yang sebaiknya, negara ini akan terus mara menjadi sebuah negara yang maju, dan menjamin kehidupan yang makmur dan sejahtera untuk seluruh rakyat.

PENUTUP

Saudara dan Saudari,

23. Akhir kata, saya menyeru, setiap dari rakyat negara ini untuk memahami sejarah supaya kesilapan lampau tidak diulangi, memastikan keamanan negara terus dikecapi dan terpelihara. Walaupun ada kalanya, timbul suara-suara sumbang yang mahu menggugat ketenteraman antara rakyat dengan menimbulkan isu-isu perkauman – melalui pengetahuan sejarah yang utuh rakyat Malaysia secara keseluruhannya mampu menolak fahaman sempit sedemikian dan tetap

berpegang kepada prinsip tolak-ansur dan hormat menghormati.

24. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Arkib Negara Malaysia serta semua yang terlibat menganjurkan Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional kali ini.

25. Jadikan platform hari ini usaha murni yang berterusan untuk mempertautkan perbezaan budaya bangsa, menyuburkan semangat patriotisme, jatidiri dan kecintaan masyarakat kepada negara Malaysia. Jadikan hari ini sebagai asbab untuk terus kita memangkin nilai perpaduan dan bersama mempertahankan kedaulatan negara.

26. Akhir kata, dengan lafaz yang mulia Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024, "Menelusuri Sejarah: Membina Tamadun Negara Bangsa".**

Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.